

Sekretariat ASEAN+3 di KL jadi kenyataan tidak lama lagi

SEPANG 13 Ogos — Malaysia yakin rancangannya untuk menubuhkan Sekretariat ASEAN+3 di Kuala Lumpur akan menjadi kenyataan tidak lama lagi.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, keyakinan itu berdasarkan persetujuan China, Jepun dan Korea dengan cadangan tersebut serta reaksi positif yang ditunjukkan oleh negara-negara ASEAN.

Katanya, negara-negara terlibat juga telah boleh menerima cadangan penubuhan sekretariat berkenaan dan hanya mempertikaikan cara bagaimana ia harus berperanan.

Menurut beliau, kebanyakan negara ASEAN juga mengetahui bahawa Malaysia berniat ikhlas ketika menawarkan diri untuk menubuhkan sekretariat itu yang bertujuan untuk mengukuhkan lagi pasaran di rantau ini dalam menghadapi cabaran globalisasi.

“Saya percaya niat dan hasrat kita akan tercapai kerana usaha kita adalah ikhlas dan bukannya sesuatu yang mempunyai udang di sebalik batu,” katanya kepada pemberita di sini hari ini, sekembalinya dari menghadiri mesyuarat Inisiatif Pembangunan Asia Timur (IDEA) di Tokyo, Jepun.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mendedahkan terdapat negara anggota ASEAN yang tidak senang dengan usaha Malaysia untuk menjadi tuan rumah bagi Sekretariat ASEAN+3 di Kuala Lumpur.

Perdana Menteri yang tidak menyebut negara terbabit berkata, negara itu mahu sekretariat berkenaan diwujudkan di negara mereka.